

Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Penggunaan Garis Panduan Pendidikan Berteraskan Nilai (*Guidelines on Values-Based Education, GVBE*)

[Surat Makluman MQA Bil. 2/2026 bertarikh 9 Januari 2026]

Ringkasan ketetapan

- i. MQA telah menguatkuasakan pemakaian Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*) Edisi Kedua (2024) bermula 1 Ogos 2024 dengan memberi pengukuhan kepada empat perkara iaitu *Value-Based Education (VBE)*, *Flexible Learning Pathways (FLP)*, *Global Sustainability Agenda (GSA)* dan *Harmonisation of MQF with other Sectoral/Occupational Frameworks*.
- ii. Justeru, MQA telah membangunkan dokumen Garis Panduan Pendidikan Berteraskan Nilai (*Guidelines on Values-Based Education, GVBE*) sebagai panduan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) untuk pelaksanaan *Values-Based Education (VBE)* dalam pembangunan dan penyampaian program sejajar dengan keperluan MQF Edisi Kedua (2024) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
- iii. Pembangunan dokumen GVBE adalah berdasarkan input dan pandangan kolektif daripada pelbagai pihak berkepentingan. Dokumen GVBE ini merangkumi:
 1. Dasar dan prinsip pelaksanaan VBE dalam pembangunan dan penyampaian program di PPT;
 2. Kaedah pelaksanaan VBE secara *infuse*, *embed* dan *integrate* dalam reka bentuk kurikulum program;
 3. Cadangan MQF *Core Values* yang boleh diguna pakai oleh PPT yang belum atau telah mempunyai *Institutional Core Values*; dan
 4. Cadangan penyampaian dan pengajaran yang merangkumi sampel penilaian, kaedah penyampaian, teknologi serta contoh sampel penyampaian dan pengajaran dalam pelbagai bidang sebagai rujukan.
- iv. Pelaksanaan dan penggunaan dokumen GVBE akan **berkuat kuasa pada 1 Ogos 2026**. Sehubungan itu, PPT perlu mempunyai dasar dan ketetapan berkaitan VBE dari aspek pelaksanaan dalam tiga pilihan mod iaitu "*infuse*, *embed* atau *integrate*" agar penghayatan dan pengamatan nilai etika dalam kalangan graduan dapat diperkukuh serta graduan yang holistik dan seimbang dapat dilahirkan bagi mendepani cabaran masa hadapan.
- v. Dokumen GVBE boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, www.mqa.gov.my; manakala surat pekeliling ini boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

- vi. UPM perlu mewujudkan dasar dan garis panduan bagi pelaksanaan VBE yang akan diterapkan di dalam kurikulum setiap program.
- vii. VBE perlu diterapkan bermula pada tahun 2026 dan kitaran lengkap pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) akan dinilai menjelang 2035.
- viii. Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Kepemimpinan Akademik (CAdE-Lead) dimohon menetapkan pilihan mod untuk diselaraskan pelaksanaan VBE bagi ekosistem UPM; manakala, semua fakulti/sekolah perlu melaksanakan pemetaan VBE ke atas semua program yang ditawarkan.

Disediakan oleh:
Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia
1 Februari 2026